

i-Great EDU



Grow your child's education fund with a rewarding plan

Tingkatkan dana pendidikan anak anda dengan pelan yang memberi ganjaran

MEMBER/AHLI



Eligible for protection by PIDM
Layak untuk perlindungan oleh PIDM

Terms and Conditions apply / *Tertakluk pada Terma dan Syarat*



03-2096 3000



www.mbsbbank.com

Takaful Concept

Takaful refers to a cooperation among a group of individuals to mutually guarantee and aid each other in order to meet certain needs as agreed amongst them, such as, providing compensation for a particular loss or any other kind of financial needs. Such cooperation involves contribution of money based on Tabarru' concept (voluntary contribution) by all takaful participants.

Their Future Education Starts Now

One of the most impactful, valuable and worthwhile investments you can ever make is in your child's education.

A child's education is more than just a short-term expense. It is a long-term commitment that can stretch over twelve or even fifteen years, should they choose to further their studies into higher education.

Now with both education and sporting events excellence awards built in with the education plan, it simply provides an aid for parents to entice the child to work hard.

Financing such an investment can be a daunting thought, particularly when taking into consideration the cost of just one year's worth of tuition fees. Not only do you have to consider the tuition fees, you also have to take into account living and other expenses, how much it costs today and factor in inflation.

The reality is that the cost of good education is rising by the day and as a parent one has to start planning early in order to avoid getting caught out.

We are sure you will agree that having a solid finance plan in place isn't just nice-to-have, it's a necessity.

i-Great Edu

Rewarding Your Child's Performance

Receive cash incentives when your child performs well in academic or co-curricular activities.

Excellence in Academic

| Major Examinations | Minimum Required Distinction | Cash Reward Per Distinction (RM) | Maximum Cash Reward (RM) |
|--------------------|------------------------------|----------------------------------|--------------------------|
| UPSR | 2A | 50 | 350 |
| PT3 | 3A | 50 | 450 |
| SPM | 3A | 50 | 500 |
| STPM | 2A | 100 | 500 |
| STAM | 3 Mumtaz | 50 | 500 |

Each participant is entitled to one reward per major examination regardless of multiple attempts.

Note: Terms and conditions apply

Excellence in Co-Curricular Activities (Sports)

| Stage | Benefit Amount (RM) |
|------------------------|---------------------|
| State Representative | 250 |
| Country Representative | 500 |

Each participant is entitled to one reward per representation only.

Note: Terms and conditions apply

Building Your Child's Education Fund

As your investment-linked family takaful plan, **i-Great Edu** provides you with the access to invest in our professionally managed funds to grow your child's education fund. Upon maturity of the certificate, your child will receive 100% of the Total Account Value (if any) of the Participant's Unit Account¹ (PUA).

With the increased cost of higher education, parents are finding it more and more difficult to meet tuition payments. Among other saving tools, the fund accumulated from this investment-linked family takaful plan might just be the answer to your child's higher education expenses.

¹ Participant's Unit Account (PUA) is an account where units are allocated depending on the amount of contributions paid.

Note: Terms and conditions apply.

Your Choices of Funds

We have three different funds for you to choose from. Choose one or a combination of them to meet your objectives and risk appetite.

Dana i-Makmur

A fund which invests in Islamic fixed income securities, for example government and corporate sukuk (ranging from 40% to 100%) as well as Islamic deposits.

This fund seeks to provide consistent return at low levels of volatility. Although the fund invests mainly in Malaysia, it may also partially invest in foreign Shariah approved fixed income securities (up to 50%) to enhance the fund's returns. Dana i-Makmur only invests in Shariah-compliant securities.

Dana i-Mekar

A fund where 80% to 100% of the investments are in Shariah-compliant equities, which may be volatile in the short term.

This fund seeks to achieve medium to long term capital appreciation. Although the fund invests mainly in Malaysia (80% – 100%), it may partially invests in Singapore (up to 25%) and Hong Kong (up to 25%), if and when necessary, to enhance the fund's returns. Dana i-Mekar only invests in Shariah-compliant securities.

Dana i-Majmuk

A fund which invest in a mixture of Shariah-compliant equities, Islamic fixed income securities and Islamic deposits. There is flexibility in asset allocation as this fund may invest solely in Islamic fixed income securities or Shariah-compliant equities.

This fund seeks to provide medium to long term capital appreciation, with a moderate level of volatility. Dana i-Majmuk only invests in Shariah-compliant securities.

There is no limit and charge to the number of fund switching you can make. You have the option to switch funds depending on your views of the current market. All funds are invested in Shariah-compliant investment instruments.

Enhance Your Child's i-Great Edu with These Optional Protection Riders

Participating in your child's education plan is a good start, but you should not stop there. Consider these optional riders and expand your child's education plan that will provide your child with a more comprehensive plan.

i-Critical Illness Benefit Rider (IB CIBR)

Should your child contract any of the covered critical illnesses, the amount covered in the plan will be paid.

i-Hospitalisation Benefits Rider (IB HB)

The daily cash benefit will be paid in the event of the child being hospitalised due to illness or accident.

i-Early Payout CriticalCare Rider (IB EPCC)

A claim for your child can be made upon early diagnosis of selected critical illnesses (subject to terms and conditions) as this rider complements the benefits of IB CIBR.

i-Contributor Benefit Rider (IB CB) & i-Contributor Benefit Plus Rider (IB CBP)

As a parent, you would want the assurance that in the event of your passing, or should you suffer from Total & Permanent Disability (TPD) or critical illness (based on the rider you have selected), all of the future contributions for your child's education plan until the end of the coverage term is payable from Tabarru' Fund².

Participating in too many riders or choosing high protection levels may deplete your fund value and may impact your final maturity amount.

Note: Terms and conditions applied. For further information on the riders, please refer to Product Disclosure Sheet and certificate issued by the Takaful Operator.

² *Tabarru' Fund refers to a pool of funds established for the purpose of solidarity and cooperation among the participants that is used to help all participants in the event of misfortunes.*

Total & Permanent Disability (TPD) and Death Protection

Rest assured against financial difficulties should your child be afflicted with TPD or on the child's passing. In this instance, you will receive the basic sum covered and the total value in the PUA (if any) from your child's protection plan.

Note: Terms and conditions apply.

No-Lapse Facility (NLF)

i-Great Edu comes with a 'No-Lapse Facility' in the first three certificate years.

This valuable feature ensures that your certificate will continue to remain in force even if your total value in PUA becomes zero, so long as the contributions are paid consistently on each contribution due date or during grace period and no withdrawal is made within the first three certificate years.

Rewards You with Underwriting Surplus and Investment Profit

With **i-Great Edu**, underwriting surplus (if any) will be shared among participants and the Takaful Operator in the ratio of 50:50. Your share of the surplus will be credited into the PUA.

All of the Investment Profit (if any) from the Tabarru' Fund will be credited into the PUA. Any losses will be carried forward and accounted for before arriving at the underwriting surplus or deficit in the following year. All of the Investment Profit or Loss (if any) from the PUA will be reflected in the unit price.

Note: The underwriting surplus and investment profits are determined yearly.

Enjoy Tax Relief

Benefits received from **i-Great Edu** are generally non-taxable and contributions paid may qualify for tax relief.

Note: You may qualify for an educational tax relief in respect of your contribution of up to RM3,000.00 a year provided that contributor rider is attached. Tax benefits are subject to the Malaysia Income Tax Act 1967, and final decision of the Inland Revenue Board.

Frequently Asked Questions

Q: What is the minimum and maximum age at entry?

A: The minimum age at entry is 30 days old and the maximum is 17 years next birthday.

Note: Your age must be between 19 and 55 (age next birthday) to be eligible to take this plan for your child.

Q: What is the minimum contribution?

A: The minimum contribution for this plan is RM100 a month or RM1,200 per year.

Q: How do I make my contribution?

A: You may arrange to make your contribution by GIRO, Direct Debit Authorisation (DDA), Banker's Order and credit card on an annually, half-yearly, quarterly or monthly basis. Cheque and cash are allowed for annual, half-yearly and quarterly basis only.

Note: Terms and conditions apply.

Q: What are the benefits of contributing via DDA?

A: DDA is an automated payment facility which enables you to enjoy continuous protection without the hassle of physically making your due payments provided there is sufficient balance in your account.

Q: Under what circumstances is i-Great Edu terminated?

A: **i-Great Edu** will be terminated on the death of the Person Covered, or upon the certificate anniversary of the chosen term or on which the Person Covered's attained age is 25 years next birthday, or once the sum covered for the plan is fully paid out, or when the certificate is lapsed, surrendered or terminated, whichever comes first.

Q: What are the fees and charges?

A: i. Upfront Charge (Wakalah Fee):

Upfront Charge (as a % of contributions paid) is the unallocated contributions and is used to meet Takaful Operator's expenses and direct distribution cost.

| Contribution due and paid (Year) | Upfront Charge (% of the Takaful Contribution*) | Upfront Charge (% of the Balancer*) |
|----------------------------------|---|-------------------------------------|
| 1 | 55 | 5 |
| 2 | 37 | 5 |
| 3 | 35 | 5 |
| 4 | 5 | 5 |
| 5 | 5 | 5 |
| 6 | 5 | 5 |
| 7 | 5 | 5 |
| 8 | 5 | 5 |
| 9 | 5 | 5 |
| 10 | 5 | 5 |
| ≥11 | 0 | 5 |

Note: These upfront charges shown above are for coverage term of 20 years. For other contribution term, you may refer to the Benefit Illustration for details of the upfront charges.

** Total Contribution = Takaful Contribution (50% of Total Contribution) + Balancer (50% of Total Contribution)*

ii. Tabarru':

Tabarru' depends on the sum covered of the Person Covered. The Tabarru' will be deducted monthly by cancelling of units allocated in the PUA.

iii. Fund Management Charge:

Fund Management Charge will be deducted from PUA at each asset valuation before determining the Net Asset Value (NAV). Unit prices will reflect the deduction.

| Fund Name | Fund Management Charge (%) |
|---------------|----------------------------|
| Dana i-Makmur | 0.50 per annum |
| Dana i-Mekar | 1.45 per annum |
| Dana i-Majmuk | 1.25 per annum |

iv. Service Charge:

An administration charge of RM6.00 and the applicable tax(es) will be deducted at the beginning of each certificate month by cancelling units already allocated to the certificate from the PUA, at the Net Asset Value (NAV) at the next Valuation Date.

Note: The above fees and charges are subject to revision by us providing you with at least a 3 months' written notice.

Important Notices

Q: What are the exclusions of this certificate?

A: Exclusion for Death Benefit:

No benefit in the event of suicide, while sane or insane, within the first year of Takaful Coverage.

Exclusions for TPD Benefit:

Takaful Operator will not be liable to pay any benefit if TPD of your child:

1. has existed prior to or on the effective date or on the date of any reinstatement, whichever is later; or
2. is caused directly or indirectly by self-inflicted injuries, while sane or insane; or
3. is caused by bodily injury sustained as a result of parachuting or skydiving, or engaging in aerial fights other than as a crew member or as a fare-paying passenger of a licensed commercial operating on a regular scheduled route; or
4. is resulted from the Person Covered committing, attempting or provoking an assault or a felony or from any violation of law by Person Covered; or
5. resulted from war, whether declared or undeclared.

Note: The exclusions highlighted above may not be exhaustive. Full details are in the certificate issued by the Takaful Operator.

1. **i-Great Edu** is a regular contribution Investment-Linked Family Takaful plan that matures up to 25 years next birthday with the benefit of family takaful protection.
2. **This plan is a Family Takaful product that is tied to the performance of the underlying assets, and is not a pure investment product such as unit trust.**
3. Contributions are payable until the end of the takaful coverage, or until TPD or Death, whichever comes first.
4. You should be convinced that this plan will best serve your needs and that the contributions payable under the certificate are affordable to you.
5. A "Free Look Period" of 15 days after the delivery date of the certificate is given for you to review the suitability of the plan. If the certificate is returned to the Takaful Operator during this period, the Takaful Operator shall refund an amount equal to the sum of:
 - i. Any unallocated contribution;
 - ii. Total Account Value of this certificate;
 - iii. Any Tabarru' and Service Charge which have been deducted;

Minus any expenses incurred for the medical examination upon which the certificate shall be deemed cancelled and our liability hereunder shall cease.

6. You may receive the remaining values of the PUA upon termination or maturity of this plan, which may be less than the total allocated contribution into the PUA. No benefits will be payable from the Tabarru' Fund.
7. The value of the PUA will be based on the actual performance of the fund and is not guaranteed. The investment risk under this plan will be borne solely by you and the value of the PUA may be less than the total contributions contributed to the fund.
8. You may stop paying contributions and still enjoy protection as long as there are sufficient value in the PUA to pay for the Tabarru' and Service Charge, where applicable. However, you will not be able to enjoy the No-Lapse Facility benefit if you stop paying contributions within the first 3 certificate years.
9. The claims payout of IB CIBR will reduce the sum covered of the basic plan. Similarly, claims payout for IB EPCC will reduce the sum covered of IB CIBR and basic plan concurrently.

Disclaimer

i-Great Edu is a regular contribution Investment-Linked Takaful plan by Great Eastern Takaful Berhad (916257-H) and Malaysia Building Society Berhad (MBSB) (9417-K) is merely the distributor of this product. This family takaful product is not a bank deposit and is not an obligation of or guaranteed or covered by Malaysia Building Society Berhad (MBSB). The family takaful product is the obligation of the Takaful Operator, Great Eastern Takaful. All enquiries related to claims and liabilities arising from the certificates should be made to Great Eastern Takaful. MBSB disclaims liability for any loss or damage howsoever arising in connection with this family takaful product.

The terms “Great Eastern Takaful” and “the Takaful Operator” shall refer to Great Eastern Takaful Berhad.

The term “MBSB” shall refer to Malaysia Building Society Berhad.

If there is any discrepancy between the English and Bahasa Malaysia versions of this brochure, the English version shall prevail.

i-Great Edu is a Shariah-compliant product.

The brochure provides general information only and it is not a contract of family takaful. You are advised to refer to the Benefit Illustration, Product Disclosure Sheet, Fund Fact Sheet and sample certificate for detailed features and benefits of the plan before participating in the plan.

Konsep Takaful

Takaful merupakan permuafakatan sekumpulan individu untuk saling menjamin dan membantu antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan tertentu yang dipersetujui dari kalangan mereka seperti memberi pampasan bagi sesuatu musibah yang menimpa serta keperluan kewangan lain. Permuafakatan ini melibatkan sumbangan wang caruman berasaskan konsep Tabarru' (pemberian secara sukarela) oleh kesemua peserta takaful.

Masa Depan Pendidikan Mereka Bermula Sekarang

Salah satu jenis pelaburan yang paling berkesan, berharga dan bermanfaat yang boleh anda lakukan adalah untuk pendidikan anak anda.

Pendidikan seorang kanak-kanak adalah lebih daripada sekadar satu perbelanjaan jangka pendek. Ia adalah satu komitmen jangka panjang yang boleh diregangkan melebihi dua belas atau lima belas tahun, sekiranya mereka memilih untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Kini, dengan tersenarainya anugerah kecemerlangan bagi kedua-dua pendidikan dan acara sukan di dalam pelan pendidikan, ia mengalakkan kanak-kanak untuk terus berusaha dengan dorongan para ibu bapa.

Pembiayaan pelaburan sedemikian boleh menjadi satu rintangan yang sangat sukar, terutamanya kos yuran pengajian setahun. Bukan sahaja anda perlu mengambil kira yuran tuisyen, anda juga perlu mengambil kira kos harian dan perbelanjaan yang lain, faktorkan kadar inflasi dan kos semasa.

Realitinya adalah bahawa kos pendidikan meningkat dari hari ke hari dan sebagai ibu bapa kita harus memulakan perancangan awal bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa keadaan.

Kami pasti anda juga bersetuju bahawa mempunyai pelan kewangan yang utuh bukan sahaja satu keinginan, ia adalah satu keperluan.

Ganjaran Untuk Pencapaian Anak Anda

Dapatkan ganjaran wang tunai apabila anak anda mencapai keputusan cemerlang dalam akademik atau aktiviti kokurikulum.

Kecemerlangan Akademik

| Peperiksaan Utama | Keperluan Minimum Kepujian | Ganjaran Wang Tunai Untuk Setiap Kepujian (RM) | Ganjaran Wang Tunai Maksimum (RM) |
|-------------------|----------------------------|--|-----------------------------------|
| UPSR | 2A | 50 | 350 |
| PT3 | 3A | 50 | 450 |
| SPM | 3A | 50 | 500 |
| STPM | 2A | 100 | 500 |
| STAM | 3 Mumtaz | 50 | 500 |

Setiap peserta berhak mendapat satu ganjaran bagi setiap peperiksaan utama walaupun mengambil beberapa percubaan.
Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat

Kecemerlangan di dalam Aktiviti Kokurikulum (Sukan)

| Peringkat | Ganjaran Manfaat (RM) |
|--------------|-----------------------|
| Wakil Negeri | 250 |
| Wakil Negara | 500 |

Setiap peserta berhak mendapat satu ganjaran bagi setiap perwakilan.
Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat

Membina Dana Pendidikan Anak Anda

Sebagai satu pelan takaful keluarga berkaitan pelaburan, **i-Great Edu** memberi anda akses untuk melabur di dalam dana kami yang diuruskan secara profesional untuk membina tabung pendidikan anak anda.

Apabila sijil matang, anak anda akan menerima 100% daripada Jumlah Nilai Akaun (jika ada) dari Akaun Unit Peserta¹ (PUA).

Dengan kos pendidikan yang semakin meningkat, ibu bapa mendapati bahawa ianya lebih sukar untuk membuat pembayaran yuran pendidikan.

Antara cara lain untuk membuat simpanan adalah dengan dana yang terkumpul dari pelan takaful keluarga berkaitan pelaburan ini yang boleh menjadi jawapan kepada perbelanjaan pendidikan tinggi anak anda.

¹ Akaun Unit Peserta (PUA) adalah akaun bagi unit yang diperuntukkan, bergantung kepada jumlah caruman yang dibayar.
Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat.

Dana-Dana Pilihan Anda

Kami mempunyai tiga jenis dana yang boleh anda pilih. Pilih salah satu atau gabungan dana-dana tersebut untuk mencapai objektif dan selera risiko anda.

Dana i-Makmur

Dana yang dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap Islam, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (berkadar dari 40% hingga 100%) serta deposit Islam.

Dana ini bertujuan untuk memberi pulangan yang konsisten dengan tahap mudah ubah yang rendah. Walaupun dana dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap luar negara yang diluluskan Syariah (sehingga 50%) untuk memperbaiki pulangan dana. Dana i-Makmur hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dana i-Mekar

Dana di mana 80% sehingga 100% daripada pelaburan adalah dalam ekuiti yang berlandaskan Syariah, yang mudah ubah dalam jangka pendek.

Dana ini berupaya mencapai peningkatan modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun dana dilaburkan terutamanya di Malaysia (80%-100%), sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%), sekiranya dan apabila diperlukan, untuk memperbaiki pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Dana i-Majmuk

Dana yang dilaburkan dalam campuran ekuiti yang berlandaskan Syariah, sekuriti pendapatan tetap Islam dan deposit Islam. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan asset memandangkan dana ini boleh dilaburkan hanya dalam sekuriti pendapatan tetap Islam atau ekuiti yang berlandaskan Syariah.

Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, dengan tahap mudah ubah sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah.

Anda boleh mengubah pilihan dana anda tanpa sebarang had dan caj. Anda mempunyai pilihan untuk menukar dana anda bergantung kepada pandangan anda terhadap pasaran semasa. Semua dana dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Tingkatkan Pelan i-Great Edu Anak Anda dengan Pilihan Perlindungan Tambahan

Menyertai pelan pendidikan ini adalah satu permulaan yang bijak, tetapi jangan berhenti di situ sahaja. Pertimbangkan perlindungan-perlindungan tambahan ini dan tingkatkan pelan pendidikan anak anda agar ia dapat memberi anak anda satu pelan yang lebih komprehensif.

Rider Manfaat Penyakit Kritikal (IB CIBR)

Sekiranya anak anda menghadapi salah satu daripada penyakit kritikal yang dilindungi, jumlah perlindungan pelan akan dibayar.

Rider Manfaat Penghospitalan (IB HB)

Manfaat wang tunai harian akan dibayar sekiranya anak anda dimasukkan ke hospital akibat penyakit atau kemalangan.

Rider Pembayaran Awal Penyakit Kritikal (IB EPCC)

Tuntutan untuk anak anda boleh dibuat sewaktu diagnosis awal penyakit kritikal yang terpilih (tertakluk kepada terma dan syarat) kerana rider ini adalah rider pelengkap manfaat IB-CIBR.

Rider Manfaat Penyumbang (IB CB) & Rider Manfaat Penyumbang Tambahan (IB CBP)

Sebagai ibu atau bapa, anda pasti mahukan jaminan bahawa sekiranya anda meninggal dunia, atau mengalami Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK) atau penyakit kritikal (bergantung kepada pilihan rider anda), semua caruman akan datang untuk pelan pendidikan anak anda sehingga tamat tempoh perlindungan akan dibayar daripada Dana Tabarru'².

Mengambil terlalu banyak rider atau memilih tahap perlindungan yang tinggi boleh mengurangkan nilai dana anda dan mungkin memberi kesan kepada objektif kewangan anda pada tempoh tamat.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat. Untuk maklumat lanjut tentang rider-rider ini, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk dan sijil yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful.

² Dana Tabarru' merujuk kepada kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara peserta yang digunakan untuk membantu semua peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.

Perlindungan Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK) dan Kematian

Yakinlah bahawa kedudukan kewangan anda tidak akan terjejas sekiranya anak anda mengalami HUPK ataupun meninggal dunia. Dalam hal ini, anda akan menerima jumlah perlindungan dan jumlah nilai akaun di dalam PUA (jika ada) dari pelan **i-Great Edu** anak anda.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat.

Kemudahan Tidak Luput

i-Great Edu disertakan bersama 'Kemudahan Tidak Luput' pada tempoh tiga tahun pertama sijil.

Kemudahan yang berharga ini memastikan sijil anda akan terus berkuatkuasa walaupun jumlah nilai di dalam PUA anda menjadi sifar, selagi mana caruman dibayar secara konsisten pada setiap tarikh caruman yang perlu dibayar atau semasa tempoh tenggang dan tiada penarikan balik unit/serahan tidak menyeluruh dibuat dalam masa tiga tahun pertama sijil.

Ganjaran Lebih Pengunderaitan dan Keuntungan Pelaburan untuk Anda

Dengan **i-Great Edu**, lebih pengunderaitan (jika ada) akan dikongsi antara para peserta dengan Pengendali Takaful pada nisbah 50:50. Bahagian anda daripada lebih tersebut akan dikreditkan ke dalam PUA.

Semua Keuntungan Pelaburan (jika ada) daripada Dana Tabarru' akan dikreditkan ke dalam PUA. Sebarang kerugian akan dibawa ke hadapan dan akan diambil kira sebelum dimasukkan dalam pengiraan lebih pengunderaitan atau defisit pada tahun berikutnya. Semua Keuntungan Pelaburan atau Kerugian (jika ada) daripada PUA akan dinyatakan dalam harga unit.

Nota: Lebih pengunderaitan dan keuntungan pelaburan akan ditentukan secara tahunan.

Nikmati Pelepasan Cukai

Manfaat yang diterima daripada **i-Great Edu** secara umumnya tidak dikenakan cukai dan caruman yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai.

Nota: Anda mungkin layak mendapat pelepasan cukai berkaitan dengan sumbangan anda sehingga RM3,000.00 setahun sekiranya rider penyumbang disertakan sekali. Manfaat cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967 dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Soalan Lazim

S: Berapakah umur kemasukan minimum dan maksimum?

J: Umur kemasukan minimum ialah 30 hari dan maksimum ialah 17 tahun pada hari lahir berikutnya.

Nota: Anda mestilah berumur antara 19 dan 55 tahun (umur hari lahir berikutnya) untuk layak mengambil pelan ini untuk anak anda.

S: Berapakah caruman minimum?

J: Jumlah caruman minimum untuk pelan ini ialah RM100 sebulan atau RM1,200 setahun.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat caruman?

J: Anda boleh membuat caruman melalui GIRO, Kebenaran Debit Terus, Arahan Bank dan kad kredit secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan. Cek dan tunai hanya dibenarkan bagi caruman tahunan, separuh tahunan, dan suku tahunan sahaja.

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat.

S: Apakah manfaat membuat caruman melalui kaedah Kebenaran Debit Terus?

J: Kebenaran Debit Terus adalah kemudahan pembayaran secara automatik yang membenarkan anda menikmati perlindungan berterusan tanpa perlu membuat pembayaran secara fizikal dengan syarat akaun anda mempunyai baki yang mencukupi.

S: Dalam situasi apakah i-Great Edu boleh ditamatkan?

J: **i-Great Edu** akan ditamatkan atas pemergian Orang yang Dilindungi, atau pada ulangtahun sijil berdasarkan terma yang dipilih atau apabila Orang yang Dilindungi berumur 25 tahun pada hari lahir berikutnya, atau apabila jumlah perlindungan bagi pelan ini telah dibayar sepenuhnya, atau apabila sijil luput, diserahkan atau ditamatkan, yang mana terdahulu.

S: Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

J: **i. Caj Pendahuluan (Yuran Wakalah):**

Caj Pendahuluan (sebagai % daripada caruman yang dibayar) adalah caruman yang tidak diperuntukkan dan digunakan untuk memenuhi perbelanjaan Pengendali Takaful dan kos pengagihan terus.

| Caruman yang perlu dibayar (Tahun) | Caj Pendahuluan (% daripada caruman Takaful*) | Caj Pendahuluan (% daripada Imbangan*) |
|------------------------------------|---|--|
| 1 | 55 | 5 |
| 2 | 37 | 5 |
| 3 | 35 | 5 |
| 4 | 5 | 5 |
| 5 | 5 | 5 |
| 6 | 5 | 5 |
| 7 | 5 | 5 |
| 8 | 5 | 5 |
| 9 | 5 | 5 |
| 10 | 5 | 5 |
| ≥11 | 0 | 5 |

Nota: Caj pendahuluan yang disenaraikan di atas adalah untuk terma perlindungan selama 20 tahun. Bagi tempoh caruman yang lain, anda boleh rujuk kepada Ilustrasi Manfaat bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan Caj Pendahuluan.

** Caruman Keseluruhan = Caruman Takaful (50% daripada Caruman Keseluruhan) + Imbangan (50% daripada Caruman Keseluruhan)*

ii. Tabarru':

Tabarru' bergantung kepada jumlah perlindungan Orang yang Dilindungi. Tabarru' akan ditolak secara bulanan dengan membatalkan unit yang telah diperuntukkan di dalam PUA.

iii. Caj Pengurusan Dana:

Caj Pengurusan Dana akan ditolak daripada PUA pada setiap penilaian aset sebelum menentukan Nilai Aset Bersih (NAV). Harga unit akan menentukan potongan.

| Nama Dana | Caj Pengurusan Dana (%) |
|---------------|-------------------------|
| Dana i-Makmur | 0.50 setahun |
| Dana i-Mekar | 1.45 setahun |
| Dana i-Majmuk | 1.25 setahun |

iv. Caj Perkhidmatan:

Caj pentadbiran sebanyak RM6.00 dan cukai-cukai yang digunapakai akan ditolak pada setiap permulaan bulan sijil, dengan membatalkan unit yang telah diperuntukkan bagi sijil daripada PUA, dinilai pada Nilai Aset Bersih pada Tarikh Penilaian yang Berikutnya.

Nota: Caj-caj di atas tertakluk kepada semakan semula oleh kami dan anda akan diberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan.

Notis Penting

S: Apakah pengecualian-pengecualian bagi sijil ini?

J: Pengecualian untuk Manfaat Kematian:

Tiada manfaat sekiranya kematian disebabkan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tahun pertama Perlindungan Takaful.

Pengecualian untuk Manfaat HUPK:

Pengendali Takaful tidak akan membayar sebarang manfaat HUPK sekiranya HUPK anak anda:

1. sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuatkusa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian; atau
2. disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras; atau
3. kecederaan badan yang timbul dari aktiviti payung terjun, terjun udara atau penglibatan dalam pesawat udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang berbayar dari sebuah operasi penerbangan berlesen komersil pada laluan berjadual yang biasa; atau
4. akibat Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau menyebabkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi; atau
5. akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Nota: Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Maklumat penuh dinyatakan dalam sijil yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful.

1. i-Great Edu merupakan pelan Takaful Keluarga Berkaitan Pelaburan dengan caruman berkala yang matang pada umur 25 tahun pada hari lahir berikutnya beserta manfaat perlindungan takaful keluarga.
 2. Pelan ini merupakan produk Takaful Keluarga yang berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.
 3. Caruman dibayar sehingga tamat perlindungan Takaful, atau sehingga HUPK atau kematian, yang mana terdahulu.
 4. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar di bawah sijil ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
 5. “Tempoh Rujukan Percuma” selama 15 hari daripada tarikh penghantaran sijil diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika sijil dikembalikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh ini, Pengendali Takaful akan mengembalikan suatu jumlah yang bersamaan dengan jumlah:
 - i. Caruman yang belum diperuntukkan;
 - ii. Jumlah Nilai Akaun bagi sijil ini;
 - iii. Sebarang Tabarru’ dan Caj Perkhidmatan yang telah ditolak;
- Ditolak juga sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan yang mana sijil ini hendaklah disifatkan terbatal dan liabiliti kami di bawahnya akan terhenti.

6. Anda boleh menerima baki jumlah dalam PUA apabila pelan ditamatkan atau telah matang, yang mungkin akan kurang daripada jumlah caruman yang diperuntukkan ke dalam PUA. Tiada manfaat akan dibayar dari Dana Tabarru'.
7. Nilai dalam PUA akan bergantung kepada prestasi sebenar dana yang dipilih dan tidak dijamin. Risiko pelaburan di bawah pelan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda dan nilai di dalam PUA mungkin kurang daripada jumlah yang dicarum untuk dana.
8. Anda boleh berhenti mencarum dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah yang mencukupi di dalam PUA untuk membayar Tabarru' dan caj perkhidmatan, yang mana berkenaan. Walaubagaimanapun, anda tidak akan dapat menikmati Kemudahan Tidak Luput sekiranya anda berhenti mencarum sewaktu 3 tahun pertama sijil.
9. Jumlah pampasan daripada IB CIBR akan mengurangkan jumlah perlindungan pelan asas. Begitu juga, jumlah pampasan daripada IB EPCC akan mengurangkan jumlah pampasan IB CIBR dan pelan asas pada waktu yang sama.

Penafian

i-Great Edu adalah pelan Takaful Keluarga bertempoh dengan caruman berkala oleh Great Eastern Berhad (916257-H) dan Malaysia Building Society Berhad (MBSB) (9417-K) hanyalah pengedar produk ini. Produk takaful keluarga ini bukan suatu deposit bank atau kewajipan atau dijamin atau dilindungi oleh Malaysia Building Society Berhad (MBSB). Produk takaful keluarga ini merupakan kewajipan Pengendali Takaful, Great Eastern Takaful. Semua pertanyaan berkenaan tuntutan dan liabiliti yang timbul daripada sijil ini hendaklah dibuat kepada Great Eastern Takaful Berhad. MBSB menafikan liabiliti yang timbul atas apa jua yang berkaitan dengan produk takaful keluarga ini.

Istilah “Great Eastern Takaful” dan “Pengendali Takaful” merujuk kepada Great Eastern Takaful Berhad.

Istilah “MBSB” merujuk kepada Malaysia Building Society Berhad (MBSB).

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

i-Great Edu merupakan produk yang patuh Syariah.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak takaful keluarga. Anda dinasihatkan untuk merujuk **Ilustrasi Manfaat**, **Risalah Pemberitahuan Produk**, **Lembaran Fakta Dana** dan contoh sijil bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum menyertai pelan ini.



**WEALTH MANAGEMENT DEPARTMENT
JABATAN PENGURUSAN KEKAYAAN**

MBSB BANK BERHAD (716122-P)

(Formerly known as Asian Finance Bank Berhad/
Dahulu dikenali sebagai Aisan Finance Bank Berhad)

Wisma MBSB, 48, Jalan Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur

Tel: 03 – 2096 3000 Fax/ Faks: 03 – 2096 3292

Website/Laman Web: www.mbsbbank.com E-mail/Emel: wealthmanagementdepartment@mbsbbank.com

This plan is underwritten by/ Pelan ini diunderait oleh:



GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD (916257-H)

Level 3, Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Tel: 03 – 4259 8338 Fax/Faks: 03 – 4259 8808

Customer Service/ Khidmat Pelanggan: 1 300 13 8338 Website/ Laman Web: www.greateastertakaful.com

About Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad is a Takaful Operator which provides coverage for Family Takaful and medical and health takaful plans. The Takaful Operator was established in December 2010 and is registered under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia. It is backed by two major institutions in Malaysia, Great Eastern Group, which is the largest and oldest insurance group in Malaysia with over 100 years of experience, and Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, one of the largest co-operative societies in Malaysia with more than 140,000 members.

Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang menyediakan perlindungan bagi pelan Takaful Keluarga dan pelan perubatan dan kesihatan. Pengendali Takaful ini telah ditubuhkan pada Disember 2010 dan didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Ia disokong oleh 2 institusi utama di Malaysia, Kumpulan Great Eastern, yang merupakan kumpulan insurans terbesar dan tertua di Malaysia dengan pengalaman melebihi 100 tahun, dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, salah satu syarikat koperasi yang terbesar di Malaysia dan mempunyai lebih daripada 140,000 ahli.

MEMBER/ AHLI



Great Eastern Takaful Berhad is a member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). As a member of PIDM, some of the benefits covered under the takaful certificates offered by Great Eastern Takaful Berhad are protected against loss of part or all of takaful or insurance benefits by PIDM, in the unlikely event of an insurer member failure. For further details of the protection limits and the scope of coverage, please obtain a PIDM information brochure from Great Eastern Takaful Berhad or visit PIDM website (www.pidm.gov.my) or call PIDM toll free line (1-800-88-1266).

Great Eastern Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Great Eastern Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Great Eastern Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

For more information, kindly contact:

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: